

CNS6009
R GB 29-10 00178 BA246

aab

MAHATHIR MAHU MAJLIS PEGUAM JANGAN BURUKAN BADAN KEHAKIMAN
Mahathir - Peguam

PETALING JAYA, 29 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau sedia berjumpa dengan anggota Majlis Peguam dengan syarat badan itu menghentikan tindakannya memburuk-burukkan badan kehakiman negara ini di luar negeri.

Perdana Menteri berkata, walaupun beliau ingin menyelesaikan sebarang masalah yang ada, majlis itu mesti terlebih dahulu mengakui bertanggungjawab memburuk-burukkan badan kehakiman ke seluruh dunia.

+Perbuatan mereka menghilangkan keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia ... secara tidak langsung mereka sabotaj ekonomi negara ini,+ kata beliau pada persidangan akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang sekembalinya daripada menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dan lawatan rasmi ke Tanzania.

+Majlis Peguam masih lagi ke hulu ke hilir berbohong kepada semua orang,+ kata beliau.

Katanya, semasa di luar negara beliau mendapati anggota majlis tersebut telah menghubungi pelbagai badan peguam asing, seperti Persatuan Peguam Amerika, berkaitan penyingkiran bekas Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abbas dan memberikan kenyataan berdasarkan pandangan mereka. -- Lagi

♥29/10/21-32MST

CNS6009

R,GB 29-10 00164 BA247

aab

Mahathir - Peguam 2 Petaling Jaya

Katanya, ketika ditemu bual oleh bahagian Radio Perbadanan Penyiaran British (BBC), beliau terpaksa menjelaskan bahawa pemecatan tersebut dibuat mengikut undang-undang dan perlembagaan setelah mendapati perkara itu tidak dinyatakan oleh Majlis Peguam Malaysia.

+Saya tidak tahu sama ada Majlis Peguam Malaysia ini satu parti politik atau badan yang bertugas untuk menjaga kehormatan profesion guaman kerana mereka bertindak seolah-olah mereka anti-kerajaan.+

Beliau berkata, majlis itu sepatutnya memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang melibatkan profesion mereka seperti peguam-peguam yang menyalahgunakan kuasa sebagai usaha memperbaiki imej mereka sekarang.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau mempunyai nama peguam tertentu Malaysia yang disebut oleh peguam di Amerika Syarikat sebagai orang yang menyampaikan maklumat salah itu kepada mereka.

Ketika ditanya sama ada tindakan akan diambil terhadap peguam terlibat beliau berkata: +Kita tidak akan ambil tindakan kerana kita boleh pertahankan diri kita daripada cerita-cerita buruk yang tidak mempunyai sifat kritikan sama sekali.+ -- Lagi

♥29/10/21-34MST

CNS6010

R GB 29-10 00077 BA248

aab

Mahathir - Peguam 3 Petaling Jaya (akhir)

Katanya, apa yang ingin mereka lakukan ialah menggunakan pendapat orang asing untuk memburuk-burukkan Malaysia.

Mengenai kemungkinan ditubuhkan satu badan peguam alternatif, Perdana Menteri berkata beliau tidak tahu mengenai perkara itu.

Perdana Menteri berkata keadaan di Malaysia berbeza dengan di negara lain kerana kerajaan seolah-olah tidak berhak sama sekali terhadap majlis itu walaupun sekiranya berlaku penyelewengan membabitkan anggotanya. -- Bernama

CNS6019

U GE 29-10 00168 EB618

eng

MAHATHIR: THERE IS NO REASON TO HAVE A CABINET RESHUFFLE

Mahathir-Cabinet

bm

KUALA LUMPUR, Oct 29 (Bernama) -- Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad said today he has no plan for a Cabinet reshuffle.

+My Cabinet is functioning very well. I do not see any reason to (have a reshuffle),+ he said when asked to comment on such a speculation.

He was speaking to reporters at the Kuala Lumpur International Airport on his return here after attending the Commonwealth Heads of Government Meeting (CHOGM) in Harare, Zimbabwe, and an official visit to Tanzania.

Several Cabinet ministers, deputy ministers and senior government officials were at the airport to welcome Datuk Seri Dr Mahathir who was accompanied by his wife, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Touching on CHOGM, he said that Malaysia had succeeded in expressing its views on issues like the new direction subscribed by the Western countries. -- more

♥29/10/22-52MST

CNS6021

U GE 29-10 00167 EB619

eng

Mahathir-Cabinet 2 (last) Kuala Lumpur

He said that Malaysia voiced its concern on the attempt by the Western countries to be the judge on matters like democracy, basic rights and the environment.

Datuk Seri Dr Mahathir said that although independent nations should be free to rule their countries, there had been oppression and violation of such rights by the intervention of Western nations.

He said that Malaysia feared that if Western nations were allowed to determine the direction of the world, they would act indiscriminately against small nations because of dissatisfaction.

The Prime Minister said that the questions of democracy, basic rights and the environment should not be determined by the Western nations but by a neutral body like the United Nations.

+If a decision is made by this body that there has been a serious violation of basic human rights, oppression and other acts, only then can action be taken,+ he added -- Bernama

♥29/10/23-05MST